



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TUN HUSSEIN ONN
TUGASAN KERJA KURSUS
TAHUN AKADEMIK JUN - NOV 2016

Program: PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP)	Nama Pelajar:	
Kod: EDUP3053	Semester/Tahun	S1T2 / JUN- NOV 2016
Nama kursus: Teknologi untuk Pengajaran dan Pembelajaran	Ambilan	JUN 2015
	Kumpulan:	BC, PP1, PP2, PA, PK1, PK2, PSV, RBT
Tugasan	Tarikh Mula	Tarikh Hantar
1. Penerbitan Video Pendidikan	17 JULAI 2016	28 OGOS 2016
2. Pembentangan Kumpulan	17 JULAI 2016	28 OGOS - 8 SEP 2016
3. Penulisan Akademik	17 JULAI 2016	28 OGOS 2016

Hasil Pembelajaran Kursus:

1. Menjelaskan konsep-konsep dan peranan teknologi dan media untuk pengajaran dan pembelajaran.
2. Menggunakan teknologi dan media pengajaran berdasarkan model rekabentuk pengajaran yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.
3. Menilai keberkesaan media dan sumber pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan instrumen penilaian dengan cekap.
4. Menghasilkan media pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Kerja kursus ini menangani Hasil Pembelajaran 1, 2 dan 4.

Objektif Kerja Kursus:

Pelajar akan dapat:

1. Menghasilkan video berunsur pendidikan yang dapat menyokong pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sekolah.
2. Membuat pembentangan berhubung objektif, isi kandungan dan teknik penyuntingan untuk suatu tugasan rakaman audio yang telah dihasilkan untuk tujuan ISL. Seterusnya menerangkan bagaimana rakaman audio ini dapat diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

3. Menghasilkan satu Penulisan Akademik yang membincangkan cara penilaian media pengajaran untuk tujuan pemilihan media untuk pengajaran dengan merujuk kepada instrumen yang dipilih.

Tugasan Projek (100% ataupun Wajaran 70%)

Pengintegrasian teknologi dan media dalam pengajaran dan pembelajaran bertujuan meningkatkan kualiti dan keberhasilan pengajaran dan pembelajaran. Proses perancangan, pembangunan dan penggunaan teknologi pendidikan yang berlandaskan pengetahuan pedagogikal, teknologikal dan kandungan merupakan faktor yang menjayakan usaha pengintegrasian teknologi untuk bilik darjah abad ke-21.

Tugasan projek ini bertujuan menyediakan pelajar untuk penguasaan kemahiran merancang dan menghasilkan media pengajaran untuk mata pelajaran sekolah.

Tugasan ini terdiri daripada tiga kaedah pentaksiran.

1. Penghasilan Video Pendidikan (55% ataupun Wajaran 40%)

1. Tugasan Individu.
2. Hasilkan satu klip video dengan menggunakan pendekatan penceritaan atau penerangan tentang suatu proses yang bertujuan mengajar sesuatu konsep ataupun kemahiran mata pelajaran sekolah.
3. Hasilkan papan cerita yang mengandungi maklumat ringkas mengenai maklumat termasuk sebahagian kandungan atau kemahiran untuk satu mata pelajaran, durasi (jangka masa), narasi yang perlu dimasukkan.
4. Gunakan aplikasi penyuntingan video yang sesuai untuk menghasilkan video.
5. Gunakan pelbagai elemen multimedia termasuk teks, grafik, imej pegun, audio (Muzik, narasi dan kesan bunyi), video dan animasi.
6. Durasi tidak melebihi 5 minit.
7. Simpan video dalam format .avi, .wmv ataupun .mp4.
8. Nyatakan penghargaan dan perakuan terhadap sumber maklumat dan pihak yang turut membantu menjayakan penerbitan video tersebut.
9. Lampirkan sedutan bahagian-bahagian DSKP yang berkenaan.

2. Pembentangan Kumpulan (15% ataupun Wajaran 10%)

1. Tugasan berpasangan.
2. Terangkan objektif, isi kandungan dan teknik penyuntingan untuk suatu tugas terangkan rakaman audio yang telah dihasilkan untuk tujuan ISL. Seterusnya terangkan bagaimana rakaman audio ini dapat diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.
3. Jangka masa persembahan ialah 30 minit, termasuk sesi soal-jawab selama 10 minit.
4. Gunakan media yang sesuai bagi membantu menerangkan aspek yang berikut:
 - 4.1 Menerangkan tajuk, objektif penerbitan dan isi kandungan rakaman audio tersebut.
 - 4.2 Bagaimana rakaman audio tersebut dapat diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

- 4.3 Peralatan yang digunakan untuk membuat rakaman audio.
- 4.4 Perisian aplikasi penyuntingan audio yang digunakan.
- 4.5 Teknik penyuntingan audio yang digunakan untuk penghasilan rakaman audio.
Contoh: adunan muzik latar, kesan bunyi khas, narasi, serta jenis teknik penyuntingan seperti "fade in", "fade out", "amplify", "silence", "change pitch" dll.
- 4.6 Sertakan bahan persembahan sebagai bukti untuk tujuan pemarkahan.

3. Penulisan Akademik (30% ataupun Wajaran 20%)

1. Tugasan individu.
2. Hasilkan satu penulisan akademik yang membincangkan kriteria penilaian media pengajaran dengan merujuk kepada instrumen (alat penilaian) yang dipilih.
3. Panjang penulisan akademik ialah 700 patah perkataan.
4. Lampirkan instrumen penilaian yang digunakan sebagai dasar penilaian.
5. Sediakan Rujukan mengikut gaya rujukan APA.

Panduan Pelaksanaan Projek

1. Skrip video, Penulisan Akademik dan Rujukan hendaklah ditaip dan dicetak mengikut spesifikasi yang berikut:
 - a. Fon : Arial; saiz: 11pt
 - b. Jarak antara baris : 1.5
 - c. Kertas A4
2. Video perlu dihantar dalam bentuk CD ataupun DVD. Sediakan sarung CD/DVD dan maklumat yang lengkap berhubung tajuk video, nama pelajar, opsyen, nama dan kod kursus. Pastikan pada permukaan CD/DVD tercatat tajuk video dan nama pelajar.
3. Keseluruhan projek dihantar dalam fail plastik dengan butiran berikut:
 - a. Nama institut
 - b. Program
 - c. Kod dan nama kursus
 - d. Nama pelajar
 - e. Nombor kad pengenalan pelajar.
 - f. Kumpulan / opsyen
 - g. Nama pensyarah
 - h. Tarikh hantar
 - i. Lampiran:
 - a) Sedutan bahagian-bahagian DSKP yang berkenaan (Penerbitan Video Pendidikan)
 - b) Instrumen penilaian yang digunakan sebagai dasar penilaian media pengajaran (Penulisan Akademik)
 - c) Lampiran 2: Maklum balas kerja kursus
 - d) Bahan Persembahan untuk tujuan persembahan kumpulan
4. Projek yang dihasilkan adalah asli.
5. Amalan plagiat tidak dibenarkan sama sekali.
6. Tugasan ini membawa 100% ataupun wajaran 70%.

Tugasan yang baik harus menunjukkan kriteria-kriteria berikut:

1. Keseluruhan pengolahan menunjukkan keaslian produk yang dihasilkan.
2. Keupayaan pemikiran yang bernalas, kreatif dan inovatif dalam perancangan, organisasi dan penghasilan klip video yang bersesuaian dengan kandungan dan kemahiran mata pelajaran sekolah.
3. Pembentangan kumpulan menujukkan penglibatan dan kerjasama antara ahli dan juga penguasaan kemahiran pedagogikal, teknologikal, dan kandungan.
4. Penulisan Akademik perlu menunjukkan penggunaan istilah, gaya penulisan dan contoh yang tepat serta kematangan hujah dalam menterjemahkan maklumat secara kritikal dan analitikal.

Kriteria Pentaksiran

Tugasan akan disemak berdasarkan rubrik pemarkahan yang disediakan.

Disediakan oleh:




(KUAN FONG KUEN)
 PENYELARAS KURSUS EDUP3053
Jabatan Ilmu Pendidikan

Disemak oleh:



(HJ OMAR BIN ZAKARIA)
PAKAR BIDANG (SME)
Jabatan Ilmu Pendidikan

Disahkan oleh:



(HJ. JAMAL MOHD NASIR BIN ATAN)
KETUA JABATAN
Jabatan Ilmu Pendidikan



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TUN HUSSEIN ONN
BORANG MAKLUM BALAS KERJA KURSUS**

Nama :	Angka Giliran Pelajar :
Kod : EDUP3053	Nama Kursus: Teknologi untuk Pengajaran dan Pembelajaran
Pensyarah :	
Tarikh Hantar :	Tarikh Diterima (Diisi oleh pensyarah)

Pengakuan Pelajar

Saya mengaku bahawa tugas ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan Pelajar: _____
()

Tarikh _____

Perincian Maklum Balas Kerja Kursus

Pemeriksa	Moderator (jika berkaitan)		
Kekuatan:	Kekuatan:		
Aspek yang boleh diperbaiki:	Aspek yang boleh diperbaiki:		
Tandatangan:	Tarikh:	Tandatangan:	Tarikh:
Pengesahan Pelajar Terhadap Maklum balas Yang Diberikan Pensyarah. Saya mengesahkan bahawa maklum balas yang diberikan oleh pensyarah telah saya rujuk dan fahami. Catatan (jika ada)			
Tandatangan Pelajar :		Tarikh :	